

BAB 3

PANDANGAN WEI YUN DAN FANG BEIFANG TERHADAP SASTERA

3.1 Realisme: Aliran Sastera Utama KMM

Secara ketaranya penulisan penulis KMM bukan bertujuan hiburan. Tujuan utama hasil tulisan penulis KMM adalah melahirkan sikap dan reaksi orang-orang Cina terhadap pelbagai masalah dan arus perubahan sosial masyarakat mereka. Menurut Fang Xiu (1972:3-4), pokok persoalan yang dikemukakan dalam KMM adalah mengenai persoalan kedaerahan Malaya sebelum kemerdekaan dan Malaysia selepas kemerdekaan. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa persoalan kedaerahan Malaya ini dapat dihuraikan dalam dua seperti berikut.

(1) Memaparkan realiti setempat, iaitu kerealitian Semenanjung Malaya dan Singapura yang kaya dengan corak *Nanyang* (tempatan). Karya yang bersendikan realisme ialah: karya pada tempoh "Gerakan 4 Mei" yang memaparkan anti-feudalisme dan anti-imperialisme dalam masyarakat Cina; karya ketika tahun 1920-an dan 30-an yang memaparkan konflik kaum buruh serta kaum tani yang menentang eksploitasi dan penindasan kelas di Tanah

Melayu; karya sastera Perang Anti Jepun pada tempoh akhir tahun 30-an dan awal 40-an yang menunjukkan situasi penentangan serangan Jepun, dan sebagainya. Dalam erti kata lain, hasil karya yang ditulis oleh penulis KMM berlatarbelakangkan peristiwa-peristiwa semasa lalu memancarkan realiti masyarakat tempatan. Memang tidak dapat disangkal bahawa karya-karya mereka adalah penuh dengan unsur-unsur tempatan.

(2) Memaparkan realiti dan persoalan di luar negeri yang mempunyai perkaitan rapat dengan rantau Malaya dan Singapura. Didapati karya KMM secara langsung atau tidak langsung menyampaikan impian penduduk tempatan tentang pergolakan semasa di dunia luar; umpamanya, Ekspedisi Ke Utara dan Perang Anti-Jepun di negeri China; Perang Korea dan Perang Vietnam sesudah Perang Dunia Kedua, dan sebagainya yang turut mempengaruhi kehidupan penduduk tempatan. Peristiwa-peristiwa semasa di luar negeri ini nescaya akan mempengaruhi kehidupan penduduk di Malaysia. Justeru itu, penulis KMM cuba mengemukakan pendapat dan pandangan mereka terhadap peristiwa-peristiwa sedunia ini dan meninjau dari segi pengaruhnya terhadap masyarakat tempatan, khasnya masyarakat Cina.

Jelas di sini bahawa pokok persoalan penulisan yang dikemukakan oleh penulis KMM dipengaruhi oleh pemikiran baru kesusasteraan di negeri China. Namun begitu, dalam proses perkembangan, KMM telah mewujudkan keunikan

tersendiri dan terputus daripada pengaruh kesusasteraan negeri China. Selepas kemerdekaan Malaysia, penulis KMM telah menumpukan perhatian sepenuh terhadap bumi yang mereka pijak. Fenomena masyarakat tempatan telah digambarkan dengan nyata-nyatanya di bawah tinta penulis KMM.

Penulis KMM khasnya mereka yang dikenali sebagai pengamal realisme mempunyai pemikiran bahawa sastera harus mencerminkan realiti masyarakat. Mereka memegang kuat pada prinsip "seni untuk rakyat" dan "sastera mencerminkan masyarakat". Dalam sejarah perkembangan KMM, didapati bahawa kebanyakan penulis KMM menulis dengan prinsip "seni untuk rakyat". Lazimnya, mereka mengisahkan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat mereka. Justeru itu, karya sastera yang dihasilkan adalah karya yang mencerminkan realiti masyarakat. Ini bermakna pemikiran realisme merupakan titik-tolak penulis menghasilkan sesebuah karya, dan pemikiran ini telah berakar tunjang dalam sejarah perkembangan KMM.

Walau bagaimanapun, pada tahun 70-an golongan realisme ini ditentang kuat oleh golongan modenisme yang mengutamakan seni persembahan karya. Golongan modenisme menuduh golongan realisme terlalu bersikap "mengajar" dan hasil karya mereka tidak mempunyai nilai kesenian. Sementara itu, golongan realisme pula mengutuk golongan modenisme kerana pada pendapat mereka, karya penulis modenisme memperlihatkan kecacatan

pemikiran dan cuma berborak kekosongan. Perselisihan pemikiran antara kedua-dua golongan tersebut telah mewujudkan perpecahan kepada dua pihak, iaitu golongan modenisme dan golongan realisme dalam KMM pada tahun 70-an.

Akan tetapi pada akhir tahun 70-an, perselisihan antara kedua-dua golongan ini telah reda. Golongan realisme berpendapat sesuatu hasil karya yang bermutu mengutamakan isi dan seni persembahan. Golongan modenisme pula menyedari hasil karya bukan sahaja harus mementingkan unsur kesenian tetapi juga harus memastikan kebernasan isinya. Mereka saling bertukar-tukar pandangan dan bersetuju bahawa hasil karya bukan sahaja harus mencerminkan masyarakat tempatan, tetapi juga tidak boleh mengetepikan seni persembahannya. Sehubungan ini, pada tahun 80-an dan 90-an, ramai mahasiswa-mahasiswi di pusat pengajian tinggi memasuki angkatan penulis KMM. Kebanyakan mereka telah mengalami latihan yang mantap lagi sistematik di pusat pengajian tinggi. Ekoran daripada itu, mereka dapat menerap pengetahuan kritikan sastera serta aliran pemikiran sastera Timur dan Barat dalam hasil karya mereka, di samping memaparkan realiti masyarakat.

Secara rumusan, aliran sastera utama dalam KMM adalah aliran realisme yang mengutamakan "seni untuk rakyat". Sehubungan ini, Wei Yun dan Fang Beifang, merupakan pelopor KMM yang mempraktikkan realisme. Seperti yang

terlihat dalam tulisan mereka, Wei Yun dan Fang Beifang masing-masing telah mengatakan bahawa seseorang penulis haruslah menghasilkan karya yang dapat mencerminkan realiti masyarakat. Mereka sendiri juga berusaha dengan sedaya upaya mengaplikasikan realisme dalam hasil tulisan masing-masing. Memang tidak dapat dinafikan bahawa hasil karya kedua-dua penulis ini dapat menangkapi dengan jelas masyarakat atau alam semesta mereka. Dalam bab ini pengkaji akan meninjau bagaimana pandangan Wei Yun dan Fang Beifang terhadap sastera, dan bab yang berikutan ialah memperlihatkan sejauh mana kedua-dua penulis ini mengaplikasikan teori mereka dalam hasil tulisan mereka.

3.2 Pandangan Wei Yun Terhadap Sastera

Wei Yun merupakan seorang penulis KMM yang berjiwa maju, bersikap mempelopori dan mempunyai perspektif tersendiri terhadap hasil karya penulis-penulis sezamannya serta karyanya sendiri. Hasil karyanya seringkali menarik perhatian pembaca. Beliau selalu berusaha meningkatkan mutu dan nilai penulisannya. Dengan bakat yang terpupuk disertai dengan kesungguhan mencipta dan belajar dari sastera dunia, kehadiran Wei Yun dalam dunia KMM amat dirasakan.

3.2.1 Karya Sastera Harus Mencerminkan Kerealitian Sezaman serta Masyarakat Sekelilingnya

Dalam susulan cerpen *Rian Kushike*, Wei Yun menerangkan pandangannya terhadap sastera:

Saya bersetuju dengan teori sastera realisme pada secara umumnya bahawa unsur kerealitian puisi adalah lebih dominan dan unggul berbanding dengan kerealitian sejarahnya. Alasannya fenomena alam semesta adalah belum diterokai, manakala dunia penciptaan karya seperti besi keluli yang telah disarikan oleh pengalaman pemikiran penulis (Wei, 1991: 174).

Bagi Wei Yun, sesebuah hasil karya sastera harus memancarkan pemikiran era atau sezaman. Segala pengolakan politik, ekonomi, budaya, pendidikan serta sosial merupakan bahan mentah kepada seseorang penulis yang kemudian diolahkan untuk menghasilkan karya seni. Ini bererti, sesuatu hasil karya harus memancarkan realiti masyarakat serta hakiki zaman. Wei Yun sendiri mengakui bahawa penghasilan karyanya yang berjudul *Qiantan* dipengaruhi oleh idea bahawa "sastera mencerminkan pemikiran kehidupan sesuatu era"(Wei, 1960: 5).

Wei Yun menekankan bahawa sesuatu hasil ciptaan karya sastera tidak dapat dipisahkan daripada keadaan sezamannya. Setiap periode mempunyai kesusasteraan yang tertentu; dan kesusasteraan sesuatu daerah juga mempunyai ciri-ciri kedaerahan yang tertentu. Beliau amat menyetujui dengan pendapat

sasterawan Jepun, Koizumi Yagumo 小泉八云¹ yang menyatakan bahawa, seseorang penulis akan menemui kegagalan jika dia berniat menyongsang arus perubahan semulajadi dalam proses penciptaan karya. Wei Yun menyanjungi tinggi pandangan Koizumi Yagumo dan menganggapnya sebagai pedoman dalam proses penciptaan karya sasteranya.

Wei Yun berpendapat bahawa seni sastera harus bersifat kerealitian, kedaerahan dan kemasyarakatan dalam memaparkan watak dan peristiwa sesuatu tempat. Oleh sebab Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan budaya, beliau berpendapat bahawa puisi KMM mempunyai udara dan keadaan sekeliling yang khusus untuk berkarya. Oleh sebab itu, seseorang penulis KMM harus memperlihatkan kebudayaan pelbagai kaum dengan mencipta karya yang bernas, mantap dan unuk.

Pandangan Wei Yun tentang sastera mencerminkan kerealitian masyarakat telah dapat kita amati dalam penulisan awalnya pada tahun 1937. Antaranya ialah *Xiaoguitou Sunsan* 小鬼头孙三 (Penderitaan Sunsan) dan *Feiyinxiong luezhuan* 非英雄列传 (Kisah Perantau).² Kedua-dua cerpen ini

¹ Koizumi Yagumo 小泉八云, penulis bangsa Jepun yang dilahirkan di England. Beliau dianggap sebagai sasterawan Jepun yang terkenal. Rujuk Wei, 1971: 84.

² *Xiaoguitao Sunsan* mengisahkan seorang murid, Sunsan 孙三 yang berasal dari keluarga miskin tetapi berniat murni supaya menderma kepada tabung membantu kerajaan China dalam kegiatan menentang Jepun. Cerpen ini berlatarbelakangkan masyarakat Cina tempatan pada

memperlihatkan satu gaya tertentu yang penuh bertenaga di samping memenuhi dengan ciri-ciri yang sedih sayu tentang masyarakat tempatan. Boleh dikatakan mulai tahun-tahun 40-an, karya beliau telah terlepas daripada pemikiran sastera imigran dan semata-mata berunsurkan ciri-ciri tempatan. Kedua-dua cerpen ini telah mendapat perhatian dan sambutan hangat ketika itu. Mengikut seorang pengkritik sastera, Zhao Rong 赵戎, karya Wei Yun telah menjadi pemangkin dalam dunia KMM, dan ramai penulis pada tahun 1930-an dan 40-an turut mengikut jejak seni persembahannya (Zhao, 1967: 44).

Seorang lagi pengkritik sastera, Ma Fuzhi 马夫之,³ menyatakan bahawa di arena KMM, antara penulis yang berasal dari negeri China, cuma Wei Yun seorang sahaja yang menumpukan sepenuh perhatiannya terhadap isu-isu dan unsur-unsur tempatan dalam penulisannya. Ma seterusnya menyifatkan Wei Yun sebagai seorang penulis tempatan yang “sebenar”, walaupun beliau bukan dilahirkan di sini. Mengikut Ma Yang 马扬 pula, Wei Yun merupakan antara penulis KMM zaman awal yang banyak menonjolkan unsur-unsur tempatan.⁴ Peninjauan hasil karyanya juga memperlihatkan bahawa kesemua hasil tulisannya bertemakan peristiwa tempatan. Memang benar seperti dalam

ketika peperangan Jepun dengan China dan mempertunjukkan bagaimana reaksi masyarakat tempatan terhadap pergolakan politik di negeri China. Cerpen *Feiyinxiong luezhuan* pula mengisahkan pengalaman pahit seorang perantau Cina di Malaya yang bekerja sebagai pekerja balak.

³ Ma Fuzhi, nama asalnya Wu Duanxiang 吴端祥, seorang pengkritik yang ternama khususnya dalam menganalisis fiksyen Wei Yun.

perkataan Wei Yun sendiri bahawa sejak awal-awal lagi beliau telah melahirkan cinta sejati terhadap masyarakat tempatan, seolah-olah telah berkenalan dengan keharuman bumi khatulistiwa ini (Wei, 1998: 199).

Namun begitu, Wei Yun cuma dibayangkan seorang pembedah terhadap wajah realiti zaman serta masyarakat dan bukanlah seorang doktor yang memberi ubat demi mengubati penyakit zamannya. Beliau berusaha dengan sedaya upaya mendedahkan keadaan masyarakat yang sebenar. Dalam hasil karyanya, beliau selalu menekankan bahawa dirinya tidak berniat langsung meluahkan nada mengajar. Motif utama beliau berkarya ialah mencipta karya yang dapat memaparkan realiti masyarakat, nusa dan bangsanya.

3.2.2 Pengalaman Hidup Seseorang Penulis Amat Menggalakkan

Mengikut Wei Yun, selain menjunjung prinsip bahawa "sastera mencerminkan masyarakat", Wei Yun berpendapat bahawa pengalaman seseorang penulis dapat menghasilkan realiti yang sebenar. Seseorang penulis tidak dapat mencipta karya sastera yang sewajarnya jika dia mengetepikan sama sekali pengalaman hidupnya serta konsep hidup yang ditangkapi oleh seseorang

⁴ Rujuk artikal Ma Yang, " *Bie ju tese de Mahua zuojia - Wei Yun* 别具特色的马华作家韦晕, Seorang Penulis Mahua yang unggul - Wei Yun" dalam *Nanyang Siang Pau*, 9 November 1988.

penulis itu. Ini bermakna hasil ciptaan karya seseorang penulis dipengaruhi oleh pengalaman hidupnya serta akibat tindakbalas penulis sendiri terhadap alam semesta. Sehubungan ini, Wei Yun berpendapat bahawa seseorang penulis tidak boleh terkeluar daripada pengaruh masyarakat.

Dalam prakata prosa *Donghai, xihai*, Wei Yun menghuraikan kenapa dirinya menghasilkan sesebuah karya.

Selepas membuat pemilihan dengan teliti, saya telah memilih karya yang bersifat kenangan serta terkini yang penuh dengan unsur tempatan, bersejarah dan menyembunyi pemikiran individu serta semangat zaman (*spirit of the times*). Dengan itu terlahirlah prosa *Donghai, xihai* (Wei Yun, 1962: 2).

Bagi Wei Yun, pengalaman hidupnya sering dijadikan subjek penulisan. Oleh sebab Wei Yun pernah mengadu nasib dalam banyak perkerjaan seperti askar, nelayan, penjaja, guru, kerani, pengurus syarikat bas dan sebagainya, maka pengalaman hidup yang amat meluas itu telah memperkayakan hasil tulisannya. Tambahan pula beliau selalu berpindah randah dan pernah bermastautin di tempat-tempat yang berlainan, maka cara hidup serta adat resam yang pelbagai turut terhurai dalam karya tulisannya.

Pemandangan dan peristiwa yang terhurai dalam *Huanxiang yuan* merupakan catatan penghidupan saya semasa menjadi askar (Wei, 1962: 118).

Saya pernah bermastautin di Pulau Pangkor, Perak dalam jangka masa yang agak panjang. Oleh itu saya agak biasa

dengan cara penghidupan dan tabiat kampung nelayan. Ini agak membantu saya semasa penghasilan karya *Wuyangshang huanghun* (Wei, 1962: 119).

3.2.3 Karya Sastera dengan Kemanusiaan

Sungguhpun hasil karya Wei Yun mendedahkan masalah dan memperlihatkan realiti masyarakatnya, namun, beliau tidak berminat menyampaikan perutusan yang bersifat mengajar. Sebenarnya beliau sangat membantah karya yang terlalu bersifat mengajar kerana karya sedemikian akan menggoda pemikiran pembaca.

Saya tidak berniat mempertunjukkan muka yang berkhotbah "penulisan untuk menyampaikan pengajaran" (*wen yi zaidao* 文以载道)⁵ untuk menggoda pemikiran pembaca. Saya bersetuju

⁵ Perkataan "*wen*" 文 mempunyai pelbagai makna. Dalam bahasa klasik, *wen* ialah perkataan yang setara yang hampir sama dengan kesusasteraan "*literature*". Dalam *Lunyu* 论语 (*Analects*), karya Confucius, *wen* digunakan dalam beberapa pengertian. Kadangkala ia bermaksud "budaya" atau "tamadun/peradaban", pada masa yang lain ia bermaksud "penghalusan budaya" atau "perhiasan luaran" bertentangan dengan *zhi* 质, yang bererti "sifat semula jadi" atau "sifat dalaman", dan pada masa yang lain pula, ia membawa maksud "kesarjanaan" atau "pembelajaran". Dalam sesetengah teks abad keempat s.m., kita mendapati bahawa *wen* digunakan untuk bermaksud perkara bertulis atau tulisan secara umum. Hanya selepas abad kedua s.m. barulah *wen* dimaksudkan sebagai sesuatu yang kita kenali sebagai "kesusasteraan" sekarang. Perkataan "*dao*" 道 mempunyai dua pengertian utama iaitu mengikut aliran ahli *Tao* dan aliran Confucius. *Dao* secara ringkasnya boleh digambarkan sebagai prinsip kesatuan semua benda dan keseluruhan bagi semua kewujudan. Ahli aliran Confucius menganggap *dao*, pada prinsipnya dalam erti kata moral dan sosial, sebagai satu cara hidup, atau "jalan kehidupan". Mereka menganggap jalan ini adalah selaras dengan jalan alam semulajadi. Aliran Confucius memberi penekanan kepada kepentingan seseorang individu dalam hubungannya dengan individu yang lain, menurut "jalan moral" yang diletakkan oleh para pendeta selaras dengan "jalan alam semula jadi". Aliran *Tao* memberi penekanan kepada kepentingan individu dalam hubungannya dengan alam, memahami *dao* serta hidup harmoni dengannya. Secara rumusannya, *wen yi zaidao* "penulisan untuk menyampaikan pengajaran" merupakan teori sastera Cina klasik yang menyerapkan unsur metafizik dalam konsep pragmatik. Rujuk James I.Y.Liu, 1995:9-11; 22-23.

dengan seorang sasterawan Jerman, yang berpendapat bahawa dunia ini cuma merupakan suatu kombinasi kewarnaan, perasaan dan pengalaman hidup manusia sahaja, dan tidak timbul masalah moral serta soal baik buruk perangai seseorang (Wei, 1971: 84).

Wei Yun menyatakan beliau akan cuba dengan sedaya upaya menggambarkan perkembangan keadaan sekeliling yang sering berubah-ubah. Di samping itu beliau juga mencungkil aktiviti sifat batin seseorang manusia yang berkaitan dengan keadaan sekeliling. Beliau tidak berhajat memekap watak manusia, tetapi hanya menyentuh tentang kerealitian masyarakat dan mempertunjukkan ciri-ciri kenyataan perwatakan.

3.2.4 Pendirian Seseorang Penulis Terhadap Penghasilan Karya

Wei Yun, sebagai seorang penulis yang bersemangat tinggi dalam penulisan, banyak berkongsi pendapatnya dengan penulis lain tentang proses penghasilan karya sastera. Beliau tidak menganggap dirinya sebagai penulis yang unggul ataupun sebagai perintis sasterawan KMM. Sebaliknya, beliau menyifatkan diri sebagai penulis yang taat setia terhadap proses penciptaan karyanya. Beliau berpendapat penulis harus mempunyai pendirian yang mantap terhadap penghasilan karyanya. Sebelum berkarya, penulis harus mempunyai pengalaman hidup yang pelbagai dan bernas di samping

mempunyai semangat terus maju serta menelaah bahan bacaan yang luas. Beliau menyatakan bahawa pencipta karya harus berlajar saban hari, supaya penghidupannya tidak menjadi kering-kontang dan daya penciptaan tidak menemui jalan buntu. Semasa berkarya, penulis juga harus mempunyai semangat kesungguhan dan sebulat hati untuk mencipta karya yang bersemangat realisme serta mempunyai nilai kesenian. Selepas penghasilan karya, penulis bukan sahaja perlu mengelakkan diri daripada meniru, malahan dikehendaki menafikan perjalanan yang pernah dilalui dirinya. Seseorang penulis yang dianggap unggul sekiranya penghasilan karyanya terlepas daripada unsur perulangan. Wei Yun amat tegas tentang hal peniruan sehingga beliau sering mengkritik diri sendiri apabila beliau mendapati hasil karyanya berunsur perulangan.

Saya tidak pernah puas hati dengan hasil karya saya sebelum ini. Saya akan cuba mengubah teknik dan gaya persembahan karya saya selepas menerima kritikan daripada kawan saya dalam arena sastera (Wei, 1962: 1).

Walaupun bagaimanapun, Wei Yun cuma mendedahkan pendiriannya tentang proses penghasilan karya kreatif. Beliau tidak menuntut penulis lain mengikut pandangannya.

Pandangan Wei Yun tentang teori sastera jarang dijelaskan dengan sistematik atau secara eksplisit tetapi selalu dijelaskan secara samar-samar dan

ringkas atau dinyatakan secara tersirat dalam tulisannya yang berselerak. Oleh sebab itu, pengumpulan dan pengolahan secara tersusun diperlukan supaya pandangan Wei Yun dapat dikenalpasti dengan sistematik dan jelas.

3.3 Pandangan Fang Beifang Terhadap Sastera

Fang Beifang merupakan penulis yang penting yang banyak diperkatakan dalam KMM. Penglibatannya dalam KMM bukan sahaja memperlihatkan pencapaian yang tinggi dalam penulisan kreatif, tetapi juga menunjukkan kewibawaanya dalam bidang esei dan kritikan. Fang Beifang banyak berkongsi pendapat dengan penulis lain tentang sastera. Tulisannya dalam bentuk prakata, kata akhiran, komentar yang tidak terbilang banyaknya mengandungi gumpalan teori yang boleh diayak daripada himpunan pelbagai perbincangan teknikal dan kritikan praktik. Teori sasteranya yang komprehensif dinyatakan dengan jelas dan teliti berbanding dengan Wei Yun.

3.3.1 Misi Kesusasteraan dan Hubungan Sastera dengan Masyarakat

Menurut seorang pengkritik sastera, Li Rulin 李汝琳 (1914 -1991),⁶ Fang Beifang merupakan seorang penulis realisme, yang mencipta dengan tujuan “seni untuk kehidupan” dan bukan “seni untuk seni”. Boleh dikatakan bahawa semua tema hasil karyanya mencerminkan realiti masyarakat serta memaparkan warna-warni sezaman.

“Trilogi Gerila” beliau memaparkan keadaan masyarakat negeri China pada tahun 30-an dan 40-an, iaitu ketika dan selepas perang China dengan Jepun. Trilogi tersebut telah menjadi catatan era yang amat menyayat hati. Sebaik sahaja beliau habis pesannya terhadap peristiwa sezaman pada tahun 30-an dan 40-an, beliau mengetepikan sama sekali tema yang berlatarbelakangkan masyarakat negeri China, dan menghasilkan “Trilogi Malaya”. “Trilogi Malaya” ini membayangkan masyarakat Cina di Malaya, iaitu meneliti tentang kerumitan orang Cina dalam usaha menerokai Tanah Melayu dan pengamanan orang Cina dalam memeperjuangkan pendidikan dan ekonomi mereka.⁷

Pengutaraan Li Rulin di atas menunjukkan pandangan Fang Beifang terhadap konsep sastera, iaitu kesusasteraan harus mempunyai misi yang mulia mendedah realiti masyarakat seterusnya membentuk masyarakat madani. Selaku sasterawan KMM, Fang Beifang bukan sahaja sering meluahkan suara

⁶ Nama asalnya ialah Li Hongben 李宏贲. Beliau pernah menjadi pensyarah Maktab Perguruan Singapura dan Universiti Nanyang. Sejak tahun 1958 hingga 1961, beliau telah menjadi penyunting dalam penerbitan *Xin Ma wenyi congshu* 新马文艺丛书 (Koleksi Seni Kesusasteraan Singapura dan Malaya). Rujuk Ma Lun, 1991: 188.

⁷ Rujuk Laporan Kesusasteraan KMM, 1989: 18.

hatinya tetapi juga sentiasa mempraktikkannya. Beliau merupakan seorang penulis yang berwawasan dalam penghasilan karya.

Fang Beifang berpendapat bahawa kesusasteraan merupakan wahana komunikasi untuk memahami hati budi bangsa dan masyarakat segenapnya. Karya kesusasteraan juga boleh dinyatakan sebagai dokumentasi peristiwa sesuatu era di samping menggambarkan realiti masyarakat. Dalam bidang penulisan kreatif, seseorang penulis dikatakan berjaya jika dia dapat mengetengahkan masalah manusia sejagat dan juga masalah di seputar masyarakatnya. Dalam artikel *Malaixiya wenxue gainian* 马来西亚文学概念 (Konsep Kesusasteraan Malaysia), beliau mengutarakan mesej utama iaitu sesuatu karya sastera ialah pendedahan sesuatu zaman. Tidak kira apa-apa negara pun, perkembangan kesusasteraannya tidak boleh terpesong daripada kecenderungan perkembangan sezaman. Struktur dan tema karya sastera kebangsaan sesuatu negara juga tidak boleh terpisah dripada ciri-ciri keunikan masyarakat tempatannya. Dalam konteks lain, hasil karya kesusasteraan perlu bersemangat ideologi yang berhubung rapat dengan realiti sezaman serta manusia sejagatnya (Fang, 1981: 62).

Kesusasteraan dan kesenian mengandungi unsur kesedaran zaman dan corak tempatan. Lantaran, kesusasteraan dan kesenian sebarang negara tetap mempunyai keunikan tersendiri. Pada dasarnya penciptaan karya kreatif adalah produk zaman, terutamanya di negara Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum. Semua kaum mempunyai corak hidup, asas budaya, agama serta politik yang tersendiri. Setelah

mengharungi jangka masa penghidupan yang panjang, mereka saling terpengaruh antara satu dengan lain, dan akibatnya terlahirlah adat resam serta bentuk kesenian kebangsaan (Fang, 1981: 2).

Pemikiran manusia dipengaruhi oleh arus perubahan masyarakat serta kecenderungan aliran zaman. Lantaran itu, kemajuan masyarakat akan merangsang pemikiran manusia sejagat dan terlahirnya pemikiran serta konsep baru. Ini seterusnya membangkitkan peradaban masyarakat dan kemajuan zaman (Fang, 1981: 2).

Fang Beifang sering mengehalkan pertalian rapat karya sastera dengan masyarakat dengan KMM sebagai contoh. Menurutnyanya:

Kesusasteraan dan kesenian Mahua mencerminkan Masyarakat Cina Malaysia (Fang, 1981: 1).

Kesusasteraan dan kesenian mencerminkan hakikat realiti, demikian juga KMM. KMM berhubung rapat dalam merealisasikan kehendak asas orang Cina, ia mendukung konsep berkhidmat untuk masyarakat dan mendedahkan imej perubahan zaman (Fang, 1981: 9).

Kesusasteraan dan Kesenian Mahua mempunyai keunikan tersendiri. Keunikan ini terbentuk akibat daripada golongan penulis KMM yang mempunyai kesedaran kebangsaan. Pemikiran realisme penulis KMM telah memutuskan hasil karya mereka mencerminkan kehidupan dan kehendak penduduk Malaysia, di samping menunjukkan kecenderungan perkembangan masyarakat serta kesedaran masyarakat pelbagai lapisan (Fang, 1981: 13-14).

Daripada pengutaraan di atas, kentaranya Fang Beifang menyokong aliran realisme dalam KMM yang mengatakan kesusasteraan adalah satu institusi sosial, yang menggunakan bahasa sebagai pengantarnya bahawa,

kesusasteraan menggambarkan "hidup" yang secara umum adalah realiti sosial. Fang Beifang menyatakan bahawa kesusasteraan mempunyai perkaitan erat dengan masyarakat. Seperti dengan pendapat Rene Wellek dan Austin Warren:

Penyair adalah seorang ahli masyarakat yang memperolehi kedudukan sosial yang tersendiri; ia menerima perakuan dan gancaran sosial dan ia berucap kepada satu golongan khalayak biar hipotetikal sekalipun.⁸

Bagi Fang Beifang, karya seni bersifat "dokumen" kerana ia adalah hasil ilmu pengetahuan yang abadi. Beliau juga berpendapat bahawa kesusasteraan bukan sahaja merupakan pembayangan proses sosial, tetapi juga intisari dan ringkasan kesemua sejarah.

3.3.2 Sastera dengan Etika Manusia

Daripada penelitian tentang pandangan Fang Beifang terhadap sastera, didapati bahawa beliau mempunyai tanggapan bahawa sastera berfungsi untuk membentuk suatu seterusnya membentuk masyarakat madani.

Bagi Fang Beifang, melalui karya sastera, cita-cita sasterawan adalah untuk membina individu dan masyarakat yang mementing manusia dan

⁸ Rujuk Teori Kesusasteraan oleh Wellek dan Warren, 1948 yang diterjemahkan oleh Wong Seng Tong, 1988: 146.

kemanusiaan. Kesusasteraan mampu berperanan memupuk sikap dan nilai-nilai terpuji melalui daya kreatif yang tinggi, iaitu masyarakat madani dan insan madani dapat dipupuk melalui kesusasteraan. Oleh itu kesusasteraan sendiri hendaklah madani sifatnya. Karya sastera yang dikatakan madani (*madanian works*) haruslah berasaskan pada karya-karya yang memiliki unsur-unsur rohaniah dan jasmaniah serta berdaya untuk membangkitkan emosi dalaman pembaca yang berorientasikan akhlak.

Fang Beifang (1987a: 7) berpendapat seseorang penulis yang berkebolehan dan berkewibawaan perlu mempunyai persepsi masyarakat dan persepsi kehidupan yang sewajarnya. Seseorang penulis menceburkan diri dalam penciptaan karya merupakan suatu kerja hemat, dan tanpa mengira baik atau tidak, hasil karyanya haruslah menggambargariskan sifat peri kemanusiaan yang akan menjadi sumbangan kepada masyarakat di masa kelak.

Di samping itu, Fang Beifang juga sering memperkaitkan hasil karya sastera dengan personaliti seseorang penulis. Fang Beifang berpendapat bahawa kesusasteraan harus berkhidmat untuk kehidupan seseorang. Malahan beliau berpendapat bahawa personaliti seseorang penulis itu, dianggap sebagai sebuah "hasil karya". Ternyata di sini, Fang Beifang seakan-akan menyamakan sastera

dengan personaliti seseorang, dan beliau sendiri juga mempraktikkan prinsip ini.

Seorang pengkritik sastera, Wu Liangzhi 伍良之 (1941- -)⁹ pernah mengatakan bahawa “karya Fang Beifang bagailah orangnya”. (Wu, 1998: 12) Mengikut Wu Liangzhi, Fang Beifang merupakan seorang penulis senior yang murah hati dan berperikemanusiaan. Beliau mempunyai kesedaran batin atau kerja hemat dalam kelakuan peribadinya atau pencitaan karyanya. Fang Beifang adalah berpendidikan tradisional Cina, yang mana pemikirannya disuburi oleh pemikiran klasik Konfusian, sejarah Cina, falsafah Cina dan kesusasteraan Cina. Beliau telah menjadikan pemikiran itu sebagai pedoman hidupnya serta penciptaan karyanya. Ekoran daripada itu, Fang Beifang sering menyeru penulis KMM supaya mencipta karya yang berteraskan kesedaran batin.

3.3.3 Penciptaan Karya

Fang Beifang (1987: 7) memberikan garis panduan tentang penghasilan karya KMM yang dikatakan bernilai tinggi:

Keunggulan KMM adalah penciptaan karya yang bernilai yang memperlihatkan faktor-faktor berikut: (1) tradisi budaya yang unggul, (2) semangat zaman yang tinggi, dan (3) warna-warna tempatan yang tebal.

⁹ Nama asalnya ialah Liang Guanzhong 梁冠中. Beliau sangat aktif dalam arena penulisan pada tahun 60-an. Hasil karyanya banyak dibukukan. Genre prosa beliau dikatakan sangat tebal dengan unsur kritis yang tajam. Rujuk Ma Lun, 1991: 347.

Ketiga-tiga faktor tersebut merupakan motif penciptaan seseorang penulis. Ini bermakna penulis harus mendalami masyarakat dan zaman yang digambarkan dalam karyanya.

Berdasarkan pandangan sastra Fang Beifang, dapat kita perhatikan pemikiran beliau adalah berunsur teori pragmatik, yang menganggap sastra sebagai wahana untuk mencapai matlamat politik, sosial, moral atau pendidikan. Teori ini paling berpengaruh dalam pemikiran sastra Cina tradisi yang berdasarkan fahaman Confucius.

3.4 Rumusan

Memang tidak dapat dinafikan Wei Yun dan Fang Beifang sangat mengagung-agungkan pengamalan realisme dalam kesusasteraan. Walaupun kedua-dua penulis ini mempunyai pandangan sama iaitu "seni sastra mencerminkan masyarakat", tetapi pandangan Fang Beifang kelihatan lebih tegar dan tegas. Malahan beliau menegaskan bahawa seseorang penulis haruslah memikul tanggungjawab serta menganggap tugasnya sebagai misi untuk menghasilkan karya yang mencerminkan masyarakat. Lantaran itu, dalam proses penghasilan sesebuah karya, Fang Beifang kelihatan cuba

menyelitikan unsur-unsur realiti masyarakat yang sebenarnya dalam subjek tulisannya. Akan tetapi kecenderungan yang berlebihan ini telah menyebabkan hasil tulisannya mengabaikan teknik penyampaian seni dan kelihatan tebal dengan unsur “mengajar”.

Bagi Wei Yun pula, beliau hanya berpendapat bahawa sesuatu hasil karya biarlah mencerminkan keadaan hakiki yang sebenarnya. Di samping itu, beliau juga menerima amalan aliran lain seperti aliran modenisme, romantisime yang mengutamakan seni persembahan demi menambat hati pembaca. Wei Yun juga mengamalkan teknik tersendiri dalam karyanya.